



**UNIT PEROLEHAN, JABATAN KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**

Sebutharga adalah dipelawa daripada Pembekal dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan berikut :-

Bil	Butir-Butir Tawaran	Tajuk Kerja	Kementerian Kewangan / Tajuk Kod
1	No. Sebutharga : <u>MPK/599/201/SH-P/19-24</u>	Perkhidmatan Kawalan Anjing Terbiar Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kluang Bagi Tahun 2024	Kementerian Kewangan – Tajuk Kod: 220902 –Perkhidmatan Menangkap Dan Melupuskan Haiwan

2. Pembelian Dokumen Sebutharga boleh dibuat mulai **7 Mei 2024 hingga 14 Mei 2024** pada waktu operasi pejabat di Kaunter 7, Aras Bawah Wisma Majlis Perbandaran Kluang.

3. Penyebutharga diwajibkan membawa dokumen berikut semasa urusan pembelian Dokumen Sebutharga :-

- **Sijil SSM yang masih sah**
- **Sijil KKM (Kementerian Kewangan) yang masih sah**

Penyebutharga juga diwajibkan mempunyai **alamat email yang sah** dan hendaklah dinyatakan dengan jelas pada Jadual Dokumen Pembelian yang disediakan. Dokumen sebutharga akan di e-mail dalam tempoh 24 jam dari tarikh pembelian. Sekiranya dokumen sebutharga tidak diterima selepas 24 jam, sila maklumkan kepada pihak kami melalui e-mail unitperolehanmpk@gmail.com pada kadar segera.

4. Dokumen Sebutharga dijual dengan harga **RM 30.00** senaskah (sila sediakan nilai bayaran yang secukupnya, pembayaran yang lebih atau kurang daripada harga Dokumen Sebutharga tidak akan diterima). **Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank atau kiriman wang pos (money order) atau wang kiriman pos berpaling (postal order) dan dibayar atas nama “YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KLUANG”**.

5. Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Kaunter 7, Aras Bawah Wisma MPK sebelum atau pada tarikh tutup tawaran iaitu **14 Mei 2024 (Selasa) jam 12.00 tengah hari**. Sebutharga yang lewat diterima, tidak akan dipertimbangkan. Majlis ini tidak terikat untuk menerima sebarang Sebutharga atau Sebutharga terendah dan keputusan Lembaga Sebutharga adalah muktamad

6. Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Tarikh Iklan: 7 Mei 2024